

20/08/1998

Kerajaan biayai pengajian animasi

Noordin Zakaria; Zainuri Misfar

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan akan terus membiayai pengajian mereka yang berminat dan berbakat dalam bidang animasi di luar negara, walaupun pembiayaan pengajian bagi bidang lain tidak digalakkan ketika kegawatan ekonomi sekarang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan juga sedia membantu menghantar mereka yang berminat untuk mempelajari teknik filem animasi di luar negara.

"Walaupun kita menghadapi kegawatan ekonomi dan kita tidak mahu menghantar pelajar ke luar negara, untuk ini (mempelajari teknik filem animasi), kita buat pengecualian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sebelum menyaksikan tayangan perdana filem animasi pertama negara, 'Silat Legenda' di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, petang ini.

Hadir sama isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali. Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima sumbangan RM150,000 daripada Peninsula Pictures Sdn Bhd, Kelab Automotif Perodua Malaysia (Kapma) dan Moccis Trading Sdn Bhd untuk Dana Khas Negara.

'Silat Legenda', filem animasi pertama untuk layar perak keluaran Peninsula Pictures Sdn Bhd itu membabitkan belanja kira-kira RM5 juta, membabitkan lebih 100 animator tempatan.

Filem yang berasaskan kepahlawanan Hang Tuah dan sahabatnya itu memaparkan kehebatan mereka sebagai pahlawan pada abad ke-21. Ia dijadual ditayangkan di seluruh negara mulai 27 Ogos ini.

Perdana Menteri berkata, penghantaran pelajar ke luar negara untuk mengikuti pengajian dalam bidang animasi boleh menyumbang kepada satu industri yang tidak kurang pentingnya dari segi menggambarkan mengenai Malaysia, teknologi maklumat (ITM) dan hiburan.

Dr Mahathir turut bangga berikutan kejayaan menghasilkan filem animasi pertama untuk layar perak yang berlatarbelakangkan kisah pahlawan Melayu.

"Filem animasi ini menunjukkan kita sanggup mencuba sesuatu. Walaupun belum mencapai standard 'Disney' atau 'Warner', kalau kita terus mencuba berulang-kali, kita akan memperbaikinya dan menjadi cekap.

"Dulu kita tidak boleh buat macam ini, sekarang kita sudah boleh buat," katanya.

Seperti yang diucapkan oleh pahlawan Hang Tuah bahawa 'tidak Melayu hilang di dunia', Dr Mahathir berkata, apa yang jelas orang Melayu belum hilang di dunia dan diharap tidak akan hilang serta terus maju.

Kepada orang ramai yang menonton filem animasi itu, beliau berkata, perbelanjaan bagi tujuan itu bukan saja untuk menghiburkan hati, malah membantu satu lagi jenis industri mencapai kemajuan.

(END)